



KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA

JABATAN PENDIDIKAN JASMANI DAN SUKAN
ARAS 1 DAN 7, BLOK E 13, PARCEL E,
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62604 PUTRAJAYA
Tel : 03-88841002/1025/1010 Fax 03-88841034/88886790
Email : info@jpjs.moe.gov.my



Dengan Kerjasama



PERSATUAN BOLASEPAK MALAYSIA

(FOOTBALL ASSOCIATION OF MALAYSIA)

Affiliated To The Federation Internationale de Football Association
And Registered To Malaysia Commissioner of Sport
Tel : 03-7873 3100(hunting line) Fax : 03-7875 7984 / 7877 6079
E-Mail: comp_fam@yahoo.com

PERATURAN PERTANDINGAN LIGA PIALA MENTERI PELAJARAN DAN LIGA REMAJA KPM/FAM 2008.

PERKARA 1 : TAKRIF / TAFSIRAN

1. TAFSIRAN

Selaras dengan tafsiran Perlembagaan Persatuan Bolasepak Malaysia, melainkan jika kandungan ayatnya mengkehendaki makna yang lain, maka bagi maksud pemakaian Peraturan Liga Piala Menteri Pelajaran Dan Liga Remaja KPM/FAM 2008 akan mengguna pakai tafsiran-tafsiran berikut:-

- 1.1 "Persatuan atau FAM" bermakna Persatuan Bolasepak Malaysia.
- 1.2 "JKPT" bermakna Jawatankuasa Pertandingan Tempatan, FAM
- 1.3 "Peraturan" bermakna Peraturan Pertandingan Liga Piala Menteri Pelajaran Dan Liga Remaja KPM/FAM 2008.
- 1.4 "Liga Piala Menteri Pelajaran @ Liga PMP Dan Liga Remaja KPM @ Liga R" bermakna Liga Piala Menteri Pelajaran Dan Liga Remaja KPM/FAM 2008 yang dikelolakan bersama antara Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM), Persatuan Bolasepak Malaysia (FAM), Majlis Sukan Negara (MSN) dan Institiut Sukan Negara (ISN).
- 1.5 "Persatuan Bolasepak Negeri atau PBN" bermakna Persatuan Bolasepak Negeri atau Wilayah Persekutuan, Persatuan Bolasepak Angkatan Tentera dan Persatuan Bolasepak Polis Diraja Malaysia yang menjadi Ahli Gabungan FAM serta disahkan pendaftarannya oleh Pesuruhjaya Sukan Malaysia.

- 1.6 “Sekolah Sukan Bolasepak atau SSB” bermakna sekolah yang telah dipilih oleh Kementerian Pelajaran Malaysia bagi tujuan penempatan pemain-pemain untuk aktiviti-aktiviti pembangunan bolasepak di peringkat sekolah.
- 1.7 “Pasukan” bermakna Pasukan bolasepak yang disahkan penyertaannya di dalam Liga PMP dan Liga-R 2008 oleh JKPT.
- 1.8 “Pegawai” bermakna Pegawai Perlawanan dan Pegawai Pasukan.
- 1.9 “Pegawai Perlawanan” bermakna Commissioner Perlawanan, Koordinator Perlawanan, General Koordinator, Pengarah Pertandingan, Pengurus Pertandingan, Penilai Pengadil, Venue Koordinator, Kumpulan Pengadil, Pegawai Keselamatan, Pegawai Media, Ahli JKPT, Ahli Jawatankuasa Keselamatan, Ahli Jawatankuasa Tatatertib dan mana-mana orang yang diberi kuasa oleh FAM dan KPM untuk menjalankan tugas bagi pihak Persatuan dalam suatu perlawanan atau Pertandingan.
- 1.10 “Pegawai Pasukan” bermakna mana-mana Pegawai mewakili Pasukan yang telah disahkan pendaftarannya untuk menyertai Liga PMP dan Liga-R 2008.
- 1.11 “Kumpulan Pengadil” bermakna Pengadil, Penolong Pengadil I, Penolong Pengadil II dan Pegawai Keempat seperti yang dilantik oleh FAM
- 1.12 “Venue Koordinator atau VK” bermakna seorang Pegawai yang dicalonkan oleh Pasukan dan disahkan oleh FAM bagi mengelola perlawanan Liga PMP dan Liga-R 2008 mengikut Peraturan dan prosedur yang telah ditetapkan FAM bagi pihak Pasukan.
- 1.13 “Pemain” bermakna mana-mana Pemain bolasepak warganegara Malaysia yang mempunyai status Amatur atau Professional mewakili Pasukan yang disahkan pendaftarannya untuk menyertai Liga PMP dan Liga-R 2008.
- 1.14 “Lesen” bermakna surat kebenaran atau kad pengenalan diri yang dikeluarkan oleh JKPT dengan tujuan membolehkan pemegang-pemegang lesen menyertai aktiviti-aktiviti Liga PMP dan Liga-R 2008 tertakluk kepada undang-undang dan Peraturan.
- 1.15 “OTP” bermakna Organisasi Teknikal Perlawanan iaitu garis panduan yang dikeluarkan oleh FAM dan perlu dipatuhi bagi mengelolakan semua perlawanan di dalam Liga PMP dan Liga-R 2008.
- 1.16 ‘Undang-undang’ bermakna Undang-undang Kerajaan Malaysia semasa yang berkaitan dengan pengelolaan dan pengurusan Liga PMP dan Liga-R 2008.
- 1.17 “Pendaftaran Permulaan Perlawanan atau PPP” bermakna sejumlah Pemain yang layak bermain didaftarkan di dalam borang-borang tertentu yang dikeluarkan oleh JKPT untuk bermain di dalam satu-satu perlawanan Liga PMP dan Liga-R 2008.
- 1.18 “Pemain dan Pegawai tidak layak” bermakna mana-mana Pemain dan Pegawai yang tidak disahkan pendaftarannya oleh JKPT atau masih menjalani hukuman kerana kesalahan melanggar Peraturan atau Undang-undang.
- 1.19 ‘Aktiviti Bolasepak’ bermakna:
- i. Penganjuran, pengelolaan atau penyertaan dalam Pertandingan bolasepak, seminar, klinik, kursus untuk bolasepak dan lain-lain aktiviti-aktiviti yang bersampingan dan berkaitan dengan permainan bolasepak termasuklah aktiviti seperti yang di putuskan oleh JKPT atau FAM dan KPM yang disertai oleh Pegawai dan Pemain.
 - ii. Pemain dan Pegawai yang dihantar mengikuti program pembangunan iaitu; pengurusan, kejurulatihan dan kepengadilan dalam bidang bolasepak atau yang berkaitan dengannya termasuklah program pembangunan belia ke luar negara atau menghantar Pasukan, Pegawai atau Pemain sebagai mewakili Persatuan atau Pasukan untuk sebarang aktiviti bolasepak atau ke Pertandingan yang diselenggarakan oleh FAM sama ada di dalam atau di luar Negara.
 - iii. Pegawai atau Pemain memegang mana-mana jawatan dalam Pasukan atau Persatuan dalam tempuh yang ditetapkan oleh Pasukan atau Persatuan atau ditetapkan mengikut perlembagaan Pasukan atau Persatuan.

- 1.20 “PTR” bermakna Pasukan Tuan Rumah yang mana di sebut dahulu dalam Jadual Pertandingan.
- 1.21 “PL” bermakna PL yang mana disebut sebagai Pasukan kedua dalam Jadual Pertandingan.

PERKARA 2 : PEMATUHAN PERATURAN DAN PIALA

2.1 PEMATUHAN PERATURAN

- 2.1.1 Kejujuran dan keikhlasan mematuhi semua undang-undang dan Peraturan mengenai pengurusan dan pentadbiran dalam penyertaan Liga PMP dan Liga-R 2008 adalah menjadi tanggungjawab dan bertanggungjawab ke atas Pasukan, Pegawai dan Pemain.
- 2.1.2 Mana-mana Pasukan, Pegawai atau Pemain yang mengingkari mana-mana Perkara di dalam Peraturan dan Perkara 2.1.1 boleh dikenakan tindakan atau tindakan-tindakan seperti berikut:
- i. Amaran atau amaran keras;
 - ii. Pasukan dikira kalah dan kemenangan diberikan kepada pasukan yang satu lagi dengan 3 mata dan jaringan gol 3-0 atau jaringan semasa perlawanan dihentikan atau perlawanan tamat, jika ianya lebih;
 - iii. Memotong mata perlawanan Pasukan;
 - iv. Penggantungan Pasukan, Pegawai atau Pemain untuk beberapa perlawanan atau musim atau musim-musim berikutnya;
 - v. Pasukan dan Pemain mestilah memulangkan balik Piala, medal atau hadiah wang tunai yang telah diterima, jika ada. Wang tunai hendaklah dipulangkan sepenuhnya mengikut jumlah yang diterima;
 - vi. Pasukan terkeluar daripada Liga PMP dan Liga-R 2008 dan semua perlawanan terdahulu tidak di kira serta di gantung automatik selama dua (2) tahun atau dua musim atau lebih;
 - vii. Pendaftaran Pemain dan Pegawai terbatal serta merta dan dengan demikian semua perlawanan terdahulu yang di sertai oleh Pemain ini di kira kalah dengan jaringan 0-3 atau mengikut jaringan sebenar jika ianya lebih;
 - viii. Apa-apa tindakan atau tindakan-tindakan lain yang difikirkan perlu dan patut oleh JKPT.

2.2 NAMA PERTANDINGAN DAN PIALA

Liga PMP dan Liga-R 2008 akan mengandungi Pertandingan dan Piala-Piala seperti berikut:-

- 2.2.1 Pertandingan Piala Menteri Pelajaran Malaysia B-14 tahun.
- 2.2.2 KPM/FAM/MSN/ISN B-17 Tahun.;

2.3 TEMPOH PENYIMPANAN PIALA

Pasukan Johan boleh menyimpan Piala selama tiga (3) bulan dari tarikh ia menjadi Johan. Pasukan juga boleh menulis nama Pasukannya sebagai Johan musim berkenaan pada Piala tersebut. Selepas tiga (3) bulan Piala mestilah di pulangkan kepada JKPT dalam keadaan baik.

2.4 TANGGUNGJAWAB PASUKAN TERHADAP PIALA

Pasukan mestilah bertanggungjawab sepenuhnya keatas keselamatan dan memastikan tiada sebarang kecacatan atau sebarang kerosakan yang terjadi kepada Piala. Jika Piala hilang atau rosak, Pasukan bertanggungjawab memperbaiki kerosakan tersebut atau menggantikan semula dengan Piala yang baru yang mana kos terlibat di tanggung sepenuhnya oleh Pasukan. Jika digantikan dengan Piala yang baru, ia mesti mendapat kelulusan dari JKPT terlebih dahulu.

PERKARA 3: PERATURAN TEKNIKAL

3.1 PENYERTAAN

3.1.1 KPM akan memaklumkan penyertaan Liga PMP dan Liga-R 2008 kepada Pasukan yang layak dan hendaklah menetapkan tarikh tutup penyertaan tersebut.

3.1.2 Pasukan yang gagal mengesahkan penyertaan pada tarikh yang ditetapkan akan dikira terkeluar daripada Liga PMP dan Liga-R 2008.

3.2 UNDANG-UNDANG PERMAINAN

Undang-undang permainan adalah mengikut undang-undang yang berkuatkuasa sebagaimana yang diputuskan dan disiarkan oleh FIFA.

3.3 MASA PERLAWANAN

3.3.1 Masa permainan bagi katogeri B-17 ialah 45 minit bagi separuh masa pertama dan 45 minit bagi separuh masa kedua. Rehat pada separuh masa hendaklah tidak melebihi 15 minit kecuali dengan izin Pengadil, manakala bagi katogeri B-14 pula masa bermain ialah 35 + 15 + 35 minit.

3.3.2 Apabila masa tambahan ditetapkan, maka masa tambahan bagi katogeri B-17 tahun ialah mestilah mengandungi dua bahagian selama 15 minit tiap-tiap bahagian, dengan rehat 5 minit iaitu pada akhir masa penuh perlawanan tetapi tidak antara masa tambahan itu. Masa tambahan bagi katogeri B-14 tahun pula ialah 10+1+10 minit. Pemain tidak boleh meninggalkan padang pada waktu rehat antara masa penuh perlawanan dengan masa tambahan kecuali dengan kebenaran Pengadil. Semua Pegawai yang telah didaftarkan sebelum permainan didalam borang yang di sediakan sahaja yang dibenarkan masuk ke dalam padang permainan semasa rehat lima (5) minit ini.

3.4 FORMAT PERTANDINGAN

Format Pertandingan ditetapkan oleh JKPT dan ia hendaklah dimaklumkan kepada Pasukan-Pasukan sebelum Pertandingan.

3.5 MATA PERLAWANAN

Pasukan yang menang akan mendapat 3 mata, 1 mata bagi Pasukan yang seri dan tiada mata bagi Pasukan yang kalah.

3.6 PENENTUAN PASUKAN TERATAS ATAU PEMENANG

3.6.1 Dalam Pertandingan liga, penentuan Pasukan teratas atau pemenang mengikut susunan hirarki seperti berikut:-

- i. Pasukan yang mendapat mata yang tertinggi, dikira sebagai pemenang;
- ii. Jika terdapat dua (2) atau lebih Pasukan mendapat mata yang sama, maka penentuan pasukan teratas atau pemenang seperti berikut:-
 - a. Pasukan yang mendapat jumlah mata yang terbanyak di antara Pasukan-pasukan terlibat, jika sama;

- b. Pasukan yang mempunyai perbezaan gol yang terbanyak di antara Pasukan-pasukan terlibat, jika sama;
- c. Pasukan yang mempunyai jumlah jaringan gol yang terbanyak di antara Pasukan-pasukan terlibat, jika sama;
- iii. Pasukan yang mempunyai perbezaan gol terbanyak di dalam semua perlawanan di peringkat liga di antara Pasukan-pasukan terlibat, jika sama;
- iv. Pasukan yang mempunyai jumlah jaringan gol terbanyak dalam semua perlawanan, Pertandingan peringkat liga atau kumpulan di antara Pasukan-pasukan terlibat, jika sama;
- v. Diputuskan oleh JKPT dan keputusan ini adalah muktamad.

3.6.2 Dalam Pertandingan kalah mati atau Perlawanan Akhir yang diadakan secara timbal balik iaitu perlawanan di tempat sendiri dan di tempat lawan penentuan pemenang adalah mengikut susunan hirarki berikut:-

- i. Pasukan yang mendapat agregat tertinggi selepas perlawanan penuh masa perlawanan kedua mengikut hirarki seperti Perkara 3.6.1(ii), (a), (b) dan (c) , jika sama;
- ii. Jaringan gol di padang Pasukan lawan dikira berganda, jika sama;
- iii. Keputusan perlawanan masa tambahan, jika sama;
- iv. Pasukan yang menang sepakan dari tanda penalti mengikut peraturan FIFA.

3.6.3 Dalam perlawanan kalah mati satu pusingan atau Perlawanan Akhir satu pusingan, penentu pemenang adalah mengikut hirarki berikut:-

- i. Pasukan yang menang dalam perlawanan penuh masa permainan 90 minit, bagi kategori B17 dan 70 minit bagi kategori B14, jika seri;
- ii. Keputusan perlawanan masa tambahan, jika seri;
- iii. Pasukan yang menang sepakan dari tanda penalti mengikut Peraturan FIFA.

3.7 JUMLAH PEMAIN DAN PENGGANTIAN PEMAIN

3.7.1 Penggantian Pemain ialah maksimum 7 orang di dalam masa permainan termasuk masa tambahan. Undang-undang penggantian Pemain oleh FIFA iaitu dari tujuh (7) orang pemain simpanan yang dikenal-pasti terlebih dahulu akan berkuatkuasa dalam masa sesuatu perlawanan termasuk masa tambahan.

3.7.2 Permainan pada masa pertama:

- i. Pada permulaan permainan masa pertama, Pasukan mesti menurunkan 11 orang pemain yang terbaik.
- ii. Kesemua kesebelasan pemain utama dan 5 orang pemain gantian mestilah bermain sekurang-kurangnya 30 minit, kecuali pemain 2 orang pemain simpanan terakhir.
- iii. Maksima 5 orang pemain boleh ditukarkan pada masa pertama permainan.

3.7.3 Permainan pada masa kedua dan masa tambahan:

- i. Pada permulaan permainan masa kedua Pasukan mesti menurunkan 5 orang pemain simpanan dengan syarat:
 - a. Jika pada masa pertama, Pasukan tidak membuat sebarang pertukaran pemain.
 - b. Jika Pasukan telah membuat pertukaran pemain pada masa pertama maka, baki daripada maksimum 5 orang pemain simpanan mestilah bermain pada permulaan masa permainan kedua.

- c. Jika pada masa pertama permainan, Pasukan telah pun membuat pertukaran maksimum 5 orang Pemain maka, pada permulaan permainan masa kedua tiada sebarang pertukaran pemain kecuali jika terdapat pemain yang cedera.
 - ii. 2 orang Pemain simpana terakhir dalam Pasukan boleh menggantikan mana-mana Pemain didalam padang permainan pada bila-bila masa permainan masa kedua dan juga masa tambahan.
- 3.7.4 Mana-mana Pemain yang telah diganti ini tidak boleh bermain lagi dalam perlawanan tersebut termasuklah untuk membuat sepakan dari tanda penalti.

3.8 PERLAWANAN YANG DITUNDA ATAU DIHENTIKAN

- 3.8.1 Sekiranya Pengadil berpendapat bahawa perlawanan tidak boleh dimainkan atau dihentikan sebelum tamat tempoh penuh masa permainan atau di berhentikan semasa dalam permainan masa tambahan kerana sebab-sebab luar jangka atau bencana atau dihentikan oleh Pengadil, maka perlawanan tersebut hendaklah dimainkan pada keesokkan harinya dengan tempoh permainan selama 90 minit bagi pertandingan katogeri B-17 tahun dan selama 70 minit bagi pertandisangan katogeri B-14 tahun dengan kedudukan jaringan (0-0) di tempat yang sama dan pada masa yang ditetapkan oleh PTR.
- 3.8.2 Jika sekiranya Pengadil memberhentikan permainan semasa sepakan dari tanda penalti dibuat untuk mendapatkan pemenang kerana sebab-sebab seperti Perkara 3.8.1. maka, sepakan daripada tanda penalti akan dimulakan semula pada keesokkan harinya dengan kedudukan 0-0, di tempat dan masa yang ditetapkan oleh PTR serta sepakan dari tanda penalti hanya boleh diambil oleh pemain terakhir kedua-dua pasukan yang berada dalam padang semasa sepakan dari tanda penalti diberhentikan.
- 3.8.3 PTR hendaklah menanggung perbelanjaan makan, penginapan iaitu maksimum tujuh (7) orang Pegawai dan 18 orang pemain.
- 3.8.4 Jika perlawanan ini masih tidak boleh dimainkan kerana sebab-sebab seperti Peraturan, Perkara 3.8.1, maka tarikh baru perlawanan yang ditangguhkan itu dan sebarang perkara mengenai pengelolaan perlawanan ini akan diputuskan oleh JKPT yang mana keputusannya adalah muktamad.
- 3.8.5 Sekiranya sesuatu perlawanan dihentikan dan tidak disambung semula permainan oleh Pengadil kerana berpunca dari tingkah laku penonton, Pegawai atau Pemain satu Pasukan seperti yang dilaporkan oleh Pegawai Perlawanan yang tidak memuaskan atau pada pendapat Pengadil tiada terjamin keselamatan atau kejadian yang berlaku tidak dapat lagi dikawal atau diluar bidang kuasa Pengadil, maka JKPT hendaklah mengambil tindakan atau tindakan-tindakan mengikut Perkara 2.1.2.
- 3.8.6 Sekiranya perlawanan ditangguhkan kerana bencana alam atau sebab-sebab luar jangka, perlawanan tersebut boleh disambung permainannya dalam masa 90 minit dari masa ditangguhkan atau apabila segala masalah teknikal atau hal-hal bencana alam telah diselesaikan atau dengan dengan budi bicara Pengadil maka, ia hendaklah bermain selama masa baki perlawanan dan dengan kedudukan jaringan gol semasa perlawanan di hentikan.
- 3.8.7 Sekiranya selepas 90 minit Pengadil berpendapat permainan tidak dapat dimainkan setelah berbincang dengan lain-lain Pegawai Perlawanan, maka perlawanan tersebut hendaklah dimainkan semula pada keesokkan harinya mengikut Perkara 3.8.1, 3.8.3 dan 3

3.9 UNDIAN DAN JADUAL PERTANDINGAN

- 3.9.1 Jika sesuatu Pertandingan memerlukan undian Pasukan ke dalam kumpulan-kumpulan atau undian Pasukan ke pusingan kedua, Suku Akhir dan Separuh Akhir hendaklah seperti yang diputuskan oleh JKPT dan ianya adalah muktamad.
- 3.9.2 JKPT hendaklah menyusun Jadual Pertandingan dan hendaklah diedarkan kepada semua Pasukan yang mengambil bahagian sebelum bermulanya Pertandingan.
- 3.9.3 Pasukan yang ingin membuat pindaan jadual perlawanan hendaklah memohon kepada JKPT dengan memberi notis lima belas (15) hari sebelum perlawanan. Jika permohonan tanpa mengemukakan sebab-sebab yang kukuh dan lengkap dengan bukti nyata atau

sebab-sebab yang dapat di terima oleh JKPT, maka pindaan tersebut tidak akan di luluskan.

3.10 WAKTU BERMULA SESUATU PERLAWANAN

- 3.10.1 Waktu bermula sesuatu perlawanan adalah seperti yang tercatat di dalam Jadual Pertandingan rasmi dan hanya boleh dipinda dengan kelulusan JKPT sahaja.
- 3.10.2 Jika waktu bermula sesuatu perlawanan hampir atau sama dengan waktu kedengaran azan, maka perlawanan hendaklah dimainkan selepas tamat azan tersebut. Jika permainan sedang dijalankan dan azan kedengaran, permainan hendaklah dihentikan dan disambung semula selepas azan tamat.
- 3.10.3 Waktu bermulanya bagi semua perlawanan terakhir Peringkat Liga, hendaklah dimainkan pada masa dan tarikh yang sama kecuali ditetapkan berlainan oleh JKPT.

3.11 BILANGAN PEMAIN YANG MENCUKUPI

- 3.11.1 Sekiranya kurang dari 10 orang Pemain dari salah satu Pasukan turun ke padang apabila Pengadil memerintahkan supaya perlawanan dimulakan pada waktu yang diiklankan, maka Pasukan yang mempunyai 10 orang Pemain atau lebih berada di dalam padang, hendaklah diberi kemenangan percuma dengan 3 mata dan jaringan 3-0 serta dan Pasukan yang mempunyai kurang daripada 10 orang Pemain akan dikenakan tindakan atau tindakan-tindakan lanjut oleh JKPT mengikut Perkara 2.1.2.
- 3.11.2 Jika permainan dihentikan, kerana salah satu Pasukan mempunyai kurang dari tujuh (7) orang Pemain, maka Pasukan tersebut dikenakan tindakan mengikut Perkara 2.1.2.

3.12 VENUE

- 3.12.1 Hanya stadium dan venue yang diperiksa dan diluluskan oleh JKPT dibenar untuk digunakan.
- 3.12.2 Pasukan hendaklah menamakan venue sebagai PTR dan venue tersebut tidak boleh digunakan bersama-sama dengan Pasukan lain dalam Pertandingan yang sama, kecuali dengan kelulusan JKPT.
- 3.12.3 Di sepanjang perlawanan dalam Liga PMP dan Liga-R 2008 setiap pasukan mestilah menggunakan venue yang sama, kecuali jika ada sebab-sebab yang tidak dapat di elakkan dan di luar kawalan atau mendapat kelulusan JKPT. Jika di dalam kes sebegini, permainan terpaksa diadakan di venue yang lain sama ada di dalam atau luar Negeri berkenaan, maka PBN atau PTR Pasukan tersebut hendaklah menanggung kos pengangkutan atau menyediakan pengangkutan daripada venue asal, pergi dan balik ke venue yang baru. Pasukan berkenaan juga hendaklah memastikan venue yang baru ini mematuhi syarat-syarat pengelolaan yang di tetapkan oleh JKPT.
- 3.13.4 PL mempunyai hak untuk berlatih di padang perlawanan selama 45 minit iaitu sehari sebelum perlawanan kecuali keadaan cuaca tidak mengizinkan. Kos latihan ini di tanggung oleh PTR. Hanya Kommissiонер Perlawanan atau Koordinator Perlawanan sahaja yang boleh membuat keputusan mengenai latihan boleh atau tidak diadakan di padang perlawanan.
- 3.13.5 Venue untuk Perlawanan Akhir Pertandingan-Pertandingan lain, akan ditetapkan oleh JKPT dan keputusannya adalah muktamad.
- 3.13.6 Pengelolaan Perlawanan Liga PMP dan Liga-R 2008 adalah menjadi tanggungjawab PTR dan mesti mematuhi Peraturan dan prosedur yang di tetapkan JKPT.

3.14 PADANG PERMAINAN

- 3.14.1 Semua perlawanan hanya dibenarkan bermain di padang rumput asli sahaja, walau bagaimanapun jika terdapat Pasukan hendak bermain di padang rumput tiruan, ia mestilah mendapat kebenaran JKPT terlebih dahulu.
- 3.14.2 Ukuran padang hendaklah 105 meter panjang dan 68 meter lebar.

3.15 PADANG LATIHAN

- 3.15.1 Setiap Pasukan hendaklah menyediakan padang latihan untuk PL yang lengkap dan sesuai serta diiktiraf dan diluluskan oleh JKPT.

3.16 BOLA PERTANDINGAN

Bola Pertandingan yang digunakan hendaklah seperti yang disediakan oleh KPM, atau diluluskan oleh JKPT bagi semua perlawanan Liga PMP dan Liga-R 2008. Setiap perlawanan hendaklah disediakan sekurang-kurangnya lapan (8) biji bola baru yang mematuhi Undang-undang 2: Permainan Bolasepak kecuali pada Perlawanan Akhir.

3.17 LESEN PEMAIN DAN PEGAWAI

- 3.17.1 Semua Pemain dan Pegawai mestilah mempunyai lesen yang dikeluarkan dan disahkan oleh KPM tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan.

- 3.17.2 Lesen Pemain dan Pegawai ini sah laku hingga tamat musim berkenaan kecuali dibatalkan atau dilanjutkan tempohnya oleh JKPT.

- 3.17.3 Lesen yang hilang atau rosak, hendaklah dilaporkan segera kepada KPM dan pengeluaran setiap lesen baru akan dikenakan caj RM20.00 (Ringgit Malaysia: Dua Puluh Sahaja).

- 3.17.4 Lesen hendaklah ditunjukkan kepada Pegawai Perlawanan sebelum atau pada bila-bila masa yang diperlukan untuk tujuan pemeriksaan dan pengesahan. Jika Pegawai atau Pemain gagal menunjukkan lesen semasa pemeriksaan oleh Pegawai Perlawanan, Pegawai atau Pemain tersebut dikira tanpa lesen.

- 3.17.5 Pegawai tanpa lesen tidak boleh berada di bangku simpanan, kawasan teknikal dan bilik persalinan Pasukan di dalam semua perlawanan Liga PMP dan Liga-R 2008.

- 3.17.6 Pemain atau Pemain-Pemain tanpa lesen atau Pemain-Pemain yang tidak layak tidak boleh bermain dalam semua perlawanan Liga-R 2008. JKPT boleh mengambil tindakan atau tindakan-tindakan mengikut Perkara 2.1.2 ke atas Pasukan, Pegawai dan Pemain jika didapati mana-mana Pasukan menurunkan Pemain yang tidak layak.

3.18 PEGAWAI DAN PEMAIN DI BANGKU SIMPANAN

- 3.18.1 Maksimum tujuh (7) orang Pegawai dan tujuh (7) orang Pemain simpanan dibenarkan duduk di bangku simpanan.

- 3.18.2 Pegawai dan Pemain yang duduk di bangku simpanan hendaklah sentiasa memakai lesen yang dikeluarkan oleh KPM.

- 3.18.3 Pegawai hendaklah mematuhi Undang-undang 3 Permainan Bolasepak dan Keputusan no.2 Lembaga Persatuan Bolasepak Antarabangsa mengenai tingkah laku di dalam kawasan teknikal.

- 3.18.4 Warna pakaian Pegawai dan Pemain simpanan hendaklah berlainan daripada pakaian Pegawai Perlawanan dan Pemain-Pemain yang berada di dalam padang.

- 3.18.5 Kelakuan Pegawai Pasukan di bangku simpanan hendaklah sentiasa bersopan dan bertanggungjawab.

- 3.18.6 Pegawai Pasukan dan Pemain di bangku simpanan dilarang sama sekali melakukan perkara-perkara berikut:-

- i. Memasuki padang permainan tanpa kebenaran Pengadil;
- ii. Provokasi sama ada dengan perkataan atau perbuatan, mengeluarkan kata-kata yang menyinggung perasaan atau isyarat lucah kepada Pegawai Pasukan, Pemain serta Pegawai Perlawanan;
- iii. Membantah atau sentiasa membantah keputusan Pengadil sama ada dengan perkataan, perbuatan, niat atau apa-apa perlakuan yang boleh menimbulkan keresahan penonton;

- iv. Merokok dibangku simpanan atau dalam kawasan teknikal;
- v. Merosakan peralatan bangku simpanan atau melakukan perkara-perkara yang boleh merosakkan bangku simpanan dan kawasan teknikal serta sebarang peralatan pengelolaan perlawanan; dan
- vi. Membaling atau melontar sebarang objek ke dalam padang permainan.

3.19 FORMAT PERTANDINGAN

3.19.1 Pertandingan B-17 dan B-14 tahun.

3.19.2 Perlawanan Peringkat Liga:

- i. Perlawanan akan diadakan secara liga timbal balik dalam dua (2) kumpulan.
- ii. Setelah tamat perlawanan peringkat liga, penentuan Pasukan teratas mengikut Perkara 3.6.1.

3.19.3 Perlawanan Peringkat Piala.

- i. Dua (2) Pasukan teratas setiap kumpulan layak ke Pertandingan Peringkat Separuh Akhir seperti berikut:
 - a. A1 melawan B2
 - b. B1 melawan A2
- ii. Perlawanan Peringkat Separuh Akhir adalah secara kalah mati timbal balik.
- iii. Penentuan Pasukan pemenang mengikut Perkara 3.6.2.

3.19.4 Perlawanan Akhir.

- i. Pemenang-pemenang Perlawanan Peringkat Separuh Akhir layak ke Perlawanan Akhir.
- ii. Pemenang Perlawanan Akhir ditentukan mengikut Perkara 3.6.3.

PERKARA 4: PASUKAN, PEGAWAI DAN PEMAIN

4.1 KELAYAKAN DAN PENDAFTARAN PASUKAN.

- 4.1.1 Setiap Pasukan yang mengesahkan penyertaan Pertandingan Liga-R 2008 hendaklah mematuhi perkara-perkara berikut:-
 - i. Hanya satu Pasukan sahaja yang boleh mewakili Negeri.
 - ii. Mesti mengesahkan penyertaan pada tarikh yang telah ditetapkan.
 - iii. Mesti mempunyai venue yang disahkan oleh JKPT dan venue tersebut tidak boleh di gunasama dengan Pasukan lain yang menyertai Pertandingan yang sama. Venue mesti mempunyai kemudahan pengelolaan perlawanan seperti yang ditetapkan oleh FAM.

4.3 KELAYAKAN PEGAWAI

- 4.3.1 Setiap Pasukan yang menyertai Liga PMP dan Liga-R 2008 boleh mendaftar maksimum tujuh (7) orang Pegawai.
- 4.3.2 Ketua Jurulatih hendaklah sekurang-kurangnya mempunyai lesen Kelas 'B' FAM atau yang setaraf dan diiktiraf oleh FAM.
- 4.3.3 Jurulatih Penjaga Gol hendaklah juga mempunyai lesen yang diiktiraf oleh FAM. Jurulatih penjaga Gol boleh digunakannya untuk Pasukan B-17 dan B-14 tahun.
- 4.3.4 Penolong Jurulatih mestilah mempunyai kelayakan minimum Lesen "C" FAM.

- 4.3.5 Pengurus Pasukan atau Pegawai Pentadbir Pasukan mesti hadir taklimat atau seminar mengenai Liga PMP dan Liga-R 2008 pada masa dan tarikh yang ditetapkan oleh JKPT.
- 4.3.6 Pengurus Pasukan mestilah menguruskan taklimat atau majlis penerangan mengenai Liga PMP dan Liga-R 2008 kepada lain-lain Pegawai Pasukan dan juga kepada semua Pemain sebelum bermulanya Liga PMP dan Liga-R 2008.
- 4.4 PENDAFTARAN PEGAWAI**
- 4.4.1 Pendaftaran Pegawai Pasukan bermula dari tarikh pengesahan Pasukan hingga 30 hari sebelum perlawanan pertama Pasukan dalam Liga PMP dan Liga-R 2008 atau pada tarikh yang ditetapkan oleh JKPT.
- i. Mesti mendaftar minimum empat (4) orang Pegawai iaitu:
- a. Pengurus Pasukan.
- b. Penolong Pengurus yang boleh juga menyandang jawatan sebagai Pegawai Pentadbir Pasukan.
- c. Ketua Jurulatih.
- d. Jurulatih Penjaga Gol.
- ii. Had minimum pendaftaran Pegawai Pasukan mestilah dikekalkan sepanjang Liga PMP dan Liga-R 2008.
- 4.4.2 Pendaftaran kedua Pegawai adalah dalam tempoh 14 hari sebelum perlawanan Separuh Akhir Pertama atau pada tarikh yang ditetapkan oleh JKPT.
- 4.5 KELAYAKAN PEMAIN**
- 4.5.1 Hanya warganegara Malaysia sahaja yang boleh didaftarkan sebagai Pemain untuk menyertai Liga PMP dan Liga-R 2008 dan tertakluk juga kepada syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh JKPT.
- 4.5.2 Pemain-pemain hanyalah daripada Sekolah Sukan Bolasepak yang telah disahkan oleh KPM.
- 4.5.3 Syarat-syarat kelayakan Pemain untuk pendaftaran Liga PMP dan Liga-R 2008 ialah:
- i. Pendaftaran Pemain hendaklah hanya menggunakan borang-borang tertentu yang disediakan oleh JKPT sahaja.
- ii. Semua Pemain yang menyertai Pertandingan Liga PMP dan Liga-R 2008 mesti lulus ujian kecergasan seperti yang ditetapkan oleh JKPT.
- iii. Semua Pemain yang menyertai Liga PMP dan Liga-R 2008 mesti lulus pemeriksaan perubatan dan laporan asal tersebut hendaklah dikemukakan bersama-sama dengan borang pendaftaran kepada FAM/KPM.
- iv. Semua Pemain mesti mempunyai insurans Kemalangan Diri, Hospital dan Surgeri serta hendaklah diambil melalui FAM/KPM dengan kadar perlindungan seperti yang ditetapkan oleh JKPT.
- v. Pendaftaran Pemain yang bukan daripada Pasukan Asal mestilah mematuhi Peraturan Status dan Perpindahan Pemain FAM.
- vi. Pemain yang masih dalam hukuman tatatertib tidak boleh didaftarkan dalam Liga PMP dan Liga-R 2008 atau mana-mana Pertandingan yang dilulus atau diiktiraf oleh FAM.
- 4.5.4 Seorang Pemain hanya boleh didaftarkan untuk satu Pasukan pada satu-satu masa. Pendaftaran Pemain dalam Pertandingan yang lain hendaklah mendapat kelulusan JKPT.

- 4.5.5 Pendaftaran Pemain bermula selepas pengesahan penyertaan Pasukan hingga 30 hari sebelum perlawanan pertama Pasukannya dalam Pertandingan Liga PMP dan Liga-R 2008 atau pada tarikh yang ditetapkan oleh JKPT dan tertakluk kepada syarat-syarat JKPT.
- a. Pasukan mesti mendaftar minimum 20 orang Pemain termasuk minimum tiga (3) orang Penjaga Gol.
 - b. Pendaftaran kedua Pemain adalah dalam tempoh 14 hari sebelum perlawanan Separuh Akhir Pertama atau pada satu tarikh yang ditetapkan oleh JKPT.

4.5.6 Pendaftaran Permulaan Perlawanan / Start List

- i. Pasukan mestilah mendaftar didalam Start List 18 orang Pemain termasuk minimum dua (2) orang Penjaga Gol pada satu-satu perlawanan.
- ii. Padas perlawanan berikutnya Pasukan mestilah mendaftar dalam Start List:
 - a. Dua (2) orang pemain simpanan yang masuk terakhir bermain dalam perlawanan sebelumnya dan tujuh(7) orang pemain yang tiada dalam Start List dalam perlawanan sebelumnya.
 - b. Mana-mana sembilan (9) orang pemain daridpada senarai pendaftaran boleh didaftarkan didalam Start List ini.
 - c. Sembilan (9) orang pemain-pemain mengikut Perkara 4.5.6 (ii) (a) ini mesti bermain pada permulaan masa pertama permainan.
- iii. Kesemua pemain mestilah bermain mengikut Perkara 3.7.

4.6 JUMLAH PENDAFTARAN PEMAIN

- 4.6.1 Bagi Pertandingan B-17 tahun, Pasukan hendaklah mendaftar maksimum 25 orang Pemain Tempatan yang lahir pada 01.01.1991 atau selepasnya.
- 4.6.2 Bagi Pertandingan B-14 tahun, Pasukan hendaklah mendaftar maksimum 25 orang Pemain Tempatan yang lahir pada 01.01.1994 atau selepasnya.

4.7 PENGURUSAN DAN ORGANISASI

- 4.7.1 Hak pengurusan Teknikal Pertandingan Liga-R 2008 keseluruhannya adalah terletak kepada JKPT, manakala perkara-perkara bukan teknikal adalah menjadi tanggungjawab KPM.

4.8 TANGGUNGJAWAB PASUKAN DAN PEGAWAI

- 4.8.1 Pasukan yang telah mengesahkan penyertaan mestilah bertanggungjawab dan memastikan :-
- i. Mematuhi semua Peraturan, Prosedur dan juga Pekeliling yang dikeluarkan dari masa ke semasa.
 - ii. Bersetuju menerima semua keputusan mengenai pengurusan pentadbiran dan pengelolaan Liga PMP dan Liga-R 2008 yang telah ditetapkan oleh JKPT serta lain-lain Jawatakuasa yang berkaitan dengan Liga PMP dan Liga-R 2008.
 - iii. Mematuhi semua keputusan Pengadil dan lain-lain keputusan atau sebarang keputusan yang dibuat oleh lain-lain Pegawai Perlawanan serta menyelesaikan masalah atau rungutan mengenai pengelolaan Liga PMP dan Liga-R 2008 berasaskan semangat kesefahaman, kerjasama dan kesukanan yang tinggi serta berpandukan Peraturan Persatuan.

- iv. Salah seorang pegawai-pegawai pasukan yang telah disahkan pendaftarannya kecuali Kitman mesti hadir mesyuarat Pegawai Pasukan yang diadakan sebelum perlawanan iaitu pada masa dan tempat yang ditetapkan oleh JKPT dan PTR.
- v. Melaksana dan menegakkan prinsip 'Fair Play' sepanjang perlawanan di dalam Liga PMP dan Liga-R 2008.
- vi. Mengambil tindakan segera sebarang teguran, arahan atau Pekeliling yang di dikeluarkan oleh JKPT mengenai pengelolaan dan pengurusan Liga PMP dan Liga-R 2008.
- vii. Pasukan hendaklah memastikan semua Pemain diberikan penerangan atau menguruskan majlis taklimat dan penerangan yang jelas mengenai penyertaan Liga PMP dan Liga-R 2008.
- viii. Sebagai PTR, Pasukan mestilah mengelola perlawanan mengikut Peraturan dan Prosedur Pengelolaan Perlawanan dan Organisasi Teknikal Perlawanan seperti yang ditetapkan oleh JKPT.
- ix. Pasukan mestilah pada setiap perlawanan Liga PMP dan Liga-R 2008 menurunkan pasukan semasa terkuatnya.
- x. Pasukan mestilah bertanggungjawab ke atas kelakuan Pegawai, Pemain, penyokong, atau mana-mana orang yang diberikan kuasa atau tugas terhadap Pasukan sepanjang masa penyertaan dalam Liga PMP dan Liga-R 2008.
- xi. Membayar kepada PL segala perbelanjaan tambahan iaitu pengangkutan dalaman, penginapan dan makan jika perlawanan ditangguhkan dan bermain pada keesokkan harinya.
- x. Menghormati, menandatangani, mengesahkan serta melaksanakan semua terma-terma di dalam Pengakuan Penyertaan Pertandingan Liga PMP dan Liga-R 2008.
- xi. Mencadangkan kepada JKPT pada bila-bila masa atau selepas tamat Pertandingan perkara-perkara untuk meningkatkan lagi pengurusan dan pengelolaan Liga PMP dan Liga-R 2008, prestasi Pegawai Perlawanan dan apa-apa juga pandangan am mengenai Liga PMP dan Liga-R 2008.

4.8.2 Tanggungjawab PTR

- i. Menjamin keselamatan PL dari masa mula tiba hingga balik ke negeri asal serta menyediakan pasukan keselamatan yang mencukupi semasa perlawanan dan selepas perlawanan dengan mengambil langkah-langkah keselamatan jika keadaan didapati tidak tenteram.
- ii. Mematuhi dan melaksanakan garis panduan keselamatan yang dikeluarkan oleh FAM.
- iii. Melantik seorang Pegawai Perhubungan untuk PL yang akan menyelaras dan membantu PL terutama urusan padang latihan, keselamatan dan keperluan PL dari mula tiba hingga balik.
- iv. Venue Koordinator akan bertanggungjawab mengenai pengangkutan tempatan Commissioner Perlawanan atau Koordinator Perlawanan atau Penilai Pengadil.
- v. Pegawai Ke-4 akan bertanggungjawab mengenai pengangkutan tempatan Pengadil, Penolong Pengadil I dan II.
- vi. Menyediakan padang latihan yang lengkap dan sesuai serta diiktiraf dan diluluskan oleh JKPT.
- vii. Padang dan kelengkapan padang termasuk pengurusan padang seperti yang diputuskan oleh JKPT iaitu :
 - a. Padang permainan hendaklah 105 meter panjang dan 68 meter lebar serta bebas halangan daripada garisan tepi ialah 6 meter dan dari garisan gol ialah 7.5 meter.

- b. Jika Pasukan bermain sebelah malam maka venue tersebut mestilah mempunyai spesifikasi bermain pad sebelah malam.
- c. Bangku simpanan berbumbung dari bahan lutsinar atau khemah berbumbung yang boleh menempatkan sekurang-kurangnya tujuh (7) orang Pegawai dan tujuh (7) orang Pemain simpanan secara selesa.
- d. Menyediakan Bangku pegawai berbumbung atau khemah berbumbung untuk menempatkan maksimum 3 orang Pegawai.
- e. Menyediakan Pasukan paramedik, ambulan dan sekurang-kurangnya 8 orang pembawa stretcher.
- f. Menyediakan sekurang-kurangnya enam (6) orang pembawa bendera FIFA/KPM dan minimum lapan (8) orang pemungut bola yang mana boleh digunakannya daripada pembawa bendera FIFA /KPM dan FAM.
- g. Mempunyai kemudahan persalinan bagi PL dan Pegawai Perlawanan.
- h. Mempunyai tandas atau lain-lain kemudahan tandas di padang atau kawasan berhampiran padang.
- j. Kawalan keselamatan yang sempurna dan mencukupi untuk Pegawai Perlawanan dan PL.

viii. Mesyuarat Pengurus Pasukan

Menguruskan mesyuarat Pegawai-pegawai Pasukan selewat-lewatnya satu (1) jam sebelum perlawanan termasuklah menyediakan bilik mesyuarat dan memastikan kehadiran Pegawai PTR iaitu Pegawai Keselamatan, Juruhebah, Venue Koordinator, Pegawai Perhubungan PL dan lain-lain Pegawai yang difikirkan perlu oleh PTR.

4.8.3 Tanggungjawab PL

- i. PL hendaklah memaklumkan kepada PTR selewat-lewatnya 72 jam sebelum hari perlawanan mengenai jadual perjalanan, penginapan, pengangkutan tempatan dan keperluan padang latihan. Jika gagal, PTR tidak akan bertanggungjawab menyediakan kemudahan-kemudahan yang diperlukan oleh PL, kecuali perkara-perkara keselamatan masih lagi menjadi tanggungjawab PTR.
- ii. PL juga hendaklah memastikan warna jersi berlainan dengan PTR atau membawa sekurang-kurangnya dua (2) set jersi yang berlainan warna.
- iii. PL juga hendaklah memastikan PPP perlawanan diserahkan kepada Pegawai Perhubungan atau VK sebelum jam 12.00 tengahari pada hari perlawanan.
- iv. PL mestilah tiba di venue selewat-lewatnya 70 minit sebelum masa perlawanan.

4.9 TANGGUNGJAWAB PEMAIN TEMPATAN

- 4.9.1 Pemain yang telah mengesahkan pendaftaran dalam Pertandingan ini, secara automatik memberi persetujuan untuk mewakili Pasukan Kebangsaan.

4.10 WARNA, NOMBOR DAN IKLAN PADA PAKAIAN

4.10.1 Warna Pasukan

- i. Setiap Pasukan mesti mempunyai sekurang-kurangnya dua (2) set warna Pasukan yang berlainan warna, dan hendaklah dibawa setiap perlawanan Liga PMP dan Liga-R 2008 serta mestilah diluluskan oleh JKPT sebelum bermulanya Pertandingan
- iv. Setiap Pasukan mesti mengisytiharkan warna Pasukan sebagai PTR iaitu Pasukan yang disebut dahulu dalam Jadual Pertandingan dan mesti memakainya di dalam perlawanan tersebut. PL mestilah memakai warna Pasukan yang berlainan dari warna Pasukan PTR.
- v. Jika terdapat persamaan warna Pasukan, dengan syarat PTR memakai warna Pasukan yang disytiharkan sebagai Tuan Rumah, maka PL hendaklah menukar warna Pasukan

tersebut dengan memakai warna Pasukan set kedua atau set ketiga atau dengan apacara sekali pun berusaha bersungguh-sungguh untuk menyelesaikan masalah persamaan warna Pasukan

- iv. Jika sekiranya terdapat persamaan warna Pasukan kerana PTR tidak memakai warna Pasukan yang disyiharkan sebagai warna PTR, maka PTR hendaklah menukar warna Pasukan tersebut dengan memakai warna Pasukan set kedua atau set ketiga atau dengan apacara sekali pun berusaha bersungguh untuk menyelesaikan masalah persamaan warna Pasukan.
- v. Jika masih lagi tiada penyelesaian mengenai persamaan warna pakaian Pasukan, maka Kommissioner Perlawanan atau Koordinator Perlawanan atau Penilai Pengadil bersama-sama Venue Koordinator (VK) mestilah membuat keputusan dan keputusan ini mestilah dipatuhi oleh kedua-dua Pasukan.
- vi. Jika Perkara 4.11.1(iii), (iv) atau (v) masih tidak mendapat penyelesaian dan perlawanan tidak dapat dijalankan, maka Pasukan yang dibuktikan bersalah oleh JKPT akan dikenakan tindakan atau tindakan-tindakan berikut:
 - a. Pasukan tersebut dikira kalah dengan jaringan 0-3 dan tiada mata.
 - b. Pasukan tersebut menanggung semua kos pengelolaan termasuklah bayaran kepada Pegawai Perlawanan, Petugas-petugas venue, persiapan kelengkapan venue, kos sepenuhnya Pasukan yang satu lagi jika ia adalah PL termasuk pengangkutan tempatan, makan dan penginapan; kos kerosakan harta benda Pasukan atau venue dan lain-lain kos yang terlibat seperti diputuskan oleh JKPT.
 - c. Lain-lain keputusan yang difikirkan perlu dan patut oleh JKPT.
- vii. Ketua Pasukan hendaklah memakai lilitan lengan yang nyata di lengan kiri jersinya. Sekiranya Ketua Pasukan digantikan maka lilitan lengan tersebut hendaklah diberikan kepada Pemain yang mengambil alih sebagai Ketua Pasukan.

4.10.2 Nombor Jersi dan Seluar

- i. Nombor di belakang jersi hendaklah tingginya tidak kurang dari 10 inci, manakala nombor di sebelah kanan seluar ialah 2 inci tinggi dan mestilah sama dengan nombor yang didaftarkan di dalam senarai pendaftaran Pemain.
- ii. Nombor jersi bagi semua pasukan yang bertanding dalam Liga PMP dan Liga-R 2008 mestilah dari nombor 1 hingga maksimum nombor 25 sahaja.
- iii. Nombor jersi tidak boleh ditukar sepanjang Pertandingan Liga PMP dan Liga-R 2008 ini.
- iv. Jika Pasukan membuat pendaftaran baru atau pembatalan Pemain maka ia hendaklah menggunakan jersi pemain yang dibatalkan tersebut.

4.10.3 Iklan

- i. Pasukan mesti mematuhi garis panduan 'Peraturan Penyiaran, Iklan dan Galakan Dagangan' yang dikeluarkan oleh KPM /FAM daripada masa ke semasa.
- ii. Pasukan yang gagal mematuhi garis panduan ini, boleh dikenakan tindakan atau tindakan-tindakan oleh KPM/FAM.

4.11 TARIK DIRI, GAGAL BERMAIN, PENALTI KERANA GAGAL BERMAIN DAN PENGGANTIAN PASUKAN

- 4.11.1 Jika mana-mana Pasukan yang melakukan salah satu daripada perkara-perkara berikut iaitu:
 - i. Menarik diri selepas pengesahan penyertaan, atau;
 - ii. Gagal bermain di dalam mana-mana perlawanan Liga PMP dan Liga-R 2008 atau seperti yang diarahkan oleh JKPT, atau;

- iii. Gagal bermain setelah melayakkan diri pada mana-mana tahap Pertandingan, samada di Peringkat Separuh Akhir, Perlawanan Akhir atau pada mana-mana tahap Pertandingan seperti yang diarahkan oleh JKPT, atau;
- iv. Gagal melaporkan diri di padang permainan untuk sesuatu perlawanan Liga PMP dan Liga-R 2008 atau gagal menurunkan jumlah minimum pemain pada masa permulaan perlawanan, kecuali dalam hal bencana alam, atau luar jangka, atau sebab-sebab yang kemudiannya diterima oleh JKPT, maka Pasukan tersebut akan dikenakan tindakan atau tindakan-tindakan berikut:
 - a. Pasukan tersebut telah dikira menarik diri daripada Pertandingan Liga PMP dan Liga-R 2008.
 - b. Pasukan tersebut hendaklah membayar semua perbelanjaan pengelolaan perlawanan tersebut seperti yang ditetapkan oleh FAM dan termasuklah membayar elaun tugas dan sara hidup Pegawai Perlawanan.
 - c. Semua keputusan perlawanan terdahulu tidak dikira.
 - d. Pasukan digantung automatik satu (1) musim atau lebih dan pegawai atau Pasukan tidak boleh menyertai Aktiviti Bolasepak di peringkat Kebangsaan.
 - e. Bantuan kewangan untuk pasukan ini jika ada, ditarik balik dan dibatalkan serta merta.
 - f. Apa-apa tindakan yang difikirkan perlu dan patut oleh JKPT.
- 4.11.2 Mana-mana Pegawai atau Pemain, yang terbukti telah membantu atau bersubahat melakukan apa-apa kesalahan dibawah Perkara 4.12.1 adalah bersalah kerana khianat dan boleh dikenakan penggantungan atau denda atau kedua-duanya sekali oleh FAM serta tindakan atau tindakan-tindakan lanjut mengikut Perkara 2.1.2.
- 4.11.3 Walaupun seorang Pengadil telah membuat kesilapan, dalam tafsiran Undang-undang Permainan sebagaimana yang diputuskan oleh Lembaga Persatuan Bolasepak Antarabangsa, Pasukan berkenaan hendaklah bermain sehingga tamat perlawanan dan boleh membuat rayuan terhadap keputusan tersebut kepada JKPT untuk disiasat dan membuat keputusan muktamad.
- 4.11.4 Mana-mana Pasukan yang gagal, menamatkan Jadual Pertandingan, tanpa mendapat persetujuan JKPT, tidak akan mendapat bantuan kewangan atau baki kewangan daripada KPM/FAM/MSN/ISN, serta dikenakan tindakan atau tindakan-tindakan mengikut Peraturan, Perkara 2.1.2.
- 4.12 PENDAFTARAN PASUKAN, PEGAWAI DAN PEMAIN**
- 4.12.1 Hanya JKPT sahaja yang mengesahkan pendaftaran Pasukan, Pegawai dan Pemain. JKPT mempunyai hak untuk tidak mendaftarkan mana-mana Pasukan, Pegawai dan Pemain tanpa memberikan apa-apa sebab.
- 4.12.2 Keputusan pendaftaran mana-mana Pasukan, Pegawai dan Pemain oleh JKPT adalah muktamad.

PERKARA 5 : PENTADBIRAN

- 5.1 KAWALAN KESELAMATAN, KELAKUAN PEGAWAI, PEMAIN DAN PENONTON**
- 5.1.1 PTR dan PL hendaklah bertanggungjawab sepenuhnya ke atas :-
 - i. Kelakuan baik para Pegawai, Pemain dan penonton sesuatu pasukan.
 - ii. Mengambil langkah-langkah keselamatan dan mematuhi sepenuhnya Peraturan Keselamatan FAM.
 - iii. Kedua-dua Pasukan hendaklah memastikan tiada kejadian yang tidak diingini berlaku.

- iv. PTR dan PL mestilah mematuhi arahan-arahan semasa JKPT dan lain-lain Jawatankuasa yang berkaitan mengenai kawalan keselamatan ini.
- 5.1.2 Jika PTR cuai atau gagal menjalankan tanggungjawab keselamatan, kelakuan Pegawai dan sikap penonton, Pasukan tersebut akan dikenakan tindakan oleh Jawatankuasa Tatatertib FAM.
- 5.1.3 Mana-mana Pegawai, Pemain atau penonton-penonton sesuatu Pasukan yang dilaporkan oleh Pegawai Perlawanan kerana berkelakuan tidak bersopan, tidak bertertib atau berkelakuan ganas sama ada di venue, di padang latihan, di luar padang atau di bilik persalinan atau penonton-penonton, Pemain-Pemain simpanan atau Pegawai yang masuk ke dalam padang tanpa kebenaran Pengadil akan dihadapkan ke Jawatankuasa Tatatertib FAM.
- 5.1.4 Pegawai Perlawanan boleh tidak memulakan sesuatu perlawanan atau, boleh memberhentikan perlawanan jika pada pendapat Pegawai-pegawai Perlawanan tiada jaminan keselamatan ke atas Pegawai-pegawai Perlawanan, Pegawai-pegawai Pasukan, Petugas-petugas, Pegawai Penaja dan Pemain kedua-dua Pasukan.
- 5.2 TINDAKAN TATATERTIB**
- 5.2.1 Tindakan tatatertib yang dikenakan adalah seperti yang telah digariskan di dalam Peraturan Tatatertib FAM dan tiada sebarang denda keatas Pemain.
- 5.2.2 Tindakan disiplin yang diambil dalam mana-mana perlawanan yang ditangguhkan akan diambil kira dan sebaliknya jika Pegawai atau Pemain-Pemain yang menjalani tindakan tatatertib dalam perlawanan yang ditangguhkan itu telahpun menyempurnakan tindakan tatatertib mereka.
- 5.2.3 Pemain yang menjalani hukuman penggantungan automatik, mesti melaksanakan hukuman pada perlawanan berikutnya iaitu selepas perlawanan yang ia menerima hukuman.
- 5.2.4 Pemain yang menerima tiga (3) Kad Kuning di dalam perlawanan yang berlainan di peringkat liga atau perlawanan-perlawanan peringkat liga dalam kumpulan akan digantung automatik satu (1) perlawanan berikutnya di mana Pasukannya bermain di peringkat Liga tersebut.
- 5.2.5 Hukuman kesalahan kerana kad Kuning ini akan tamat pada perlawanan terakhir peringkat liga sahaja.
- 5.2.6 Pemain yang menerima dua (2) Kad Kuning di dalam perlawanan yang berlainan di peringkat Kalah Mati akan digantung automatik satu (1) perlawanan berikutnya di mana Pasukannya bermain di peringkat Kalah Mati.
- 5.2.7 Pemain yang mendapat satu (1) Kad Merah kerana kesalahan menerima dua (2) Kad Kuning dalam satu perlawanan digantung automatik satu (1) perlawanan berikutnya di mana Pasukannya bermain di dalam Liga-R 2008.
- 5.2.8 Pemain yang mendapat satu (1) Kad Merah dalam satu (1) perlawanan digantung automatik dua (2) perlawanan berikutnya di mana pasukannya bermain didalam Liga-R 2008.
- 5.2.9 Pemain yang mendapat enam (6) Kad Kuning dalam Pertandingan akan digantung automatik dua (2) perlawanan berikutnya hanya dalam Pertandingan yang sama.
- 5.2.10 Pasukan mestilah menyimpan rekod tatatertib Pasukan berdasarkan borang tertentu yang di serahkan oleh Pegawai Perlawanan sebaik-baik sahaja tamat perlawanan.
- 5.2.11 Mana-mana Pemain atau Pemain-Pemain yang mengingkari Perkara 5.2 hendaklah dikenakan tindakan atau tindakan-tindakan mengikut Tatatertib FAM dan juga JKPT.
- 5.3 BANTAHAN**
- 5.3.1 Bantahan terhadap kelayakan Pemain atau lain-lain bantahan hendaklah dihantar secara bertulis dan diterima oleh Pengerusi JKPT dalam tempoh 72 jam selepas tamatnya

perlawanan berkenaan, atau satu tempoh yang diterima oleh JKPT dan bantahan tersebut hendaklah disertai dengan wang tunai, wang pos atau Bank Draf berjumlah RM250.00 (Ringgit Malaysia: Dua Ratus Lima Puluh Sahaja) atas nama Persatuan Bolasepak Malaysia yang akan dikembalikan jika bantahan itu berjaya.

- 5.3.2 Bantahan tidak boleh dibuat terhadap keputusan mengenai perkara-perkara fakta yang telah diputuskan oleh Pengadil di venue perlawanan.

5.4 FAIR PLAY

- 5.4.1 Pada setiap perlawanan Liga PMP dan Liga-R 2008 Fair Play hendaklah sentiasa diberi keutamaan, bermula daripada perarakan masuk bendera Fair Play FIFA.
- 5.4.2 Setiap Pasukan akan dinilai tahap Fair Play oleh VK melalui borang khas yang dikeluarkan oleh FAM.

5.5 LAPORAN PEGAWAI PERLAWANAN

- 5.5.1 Borang PPP hendaklah difakskan atau E-mail ke FAM/Urusetia KPM sebelum perlawanan dan laporan-laporan perlawanan bersama-sama PPP hendaklah di faks atau E-mail dalam masa 30 minit selepas tamat perlawanan kepada FAM/ Urusetia KPM dan laporan-laporan tersebut hendaklah diserahkan kepada Komissioner Perlawanan atau Koordinator Perlawanan FAM atau Pegawai Penilai Pengadil.
- 5.5.2 Laporan Komissioner Perlawanan atau Koordinator Perlawanan atau Penilai Pengadil, Venue Koordinator, Pengadil dan Pegawai Ke-4 hendaklah diserahkan kepada Komissioner Perlawanan atau Koordinator Perlawanan atau Penilai Pengadil selepas perlawanan dan hendaklah dihantar ke FAM/ Urusetia KPM dalam masa 48 jam setelah tamat perlawanan.
- 5.5.3 Laporan insiden hendaklah menggunakan borang khas yang disediakan oleh FAM dan mestilah difakskan atau E-mail ke FAM dalam masa 30 minit selepas tamat perlawanan, manakala laporan asal hendaklah diserahkan ke FAM/ Urusetia KPM dalam masa 48 jam.

5.6 ORGANISASI TEKNIKAL PERLAWANAN (OTP)

- 5.6.1 Semua Pasukan, Pegawai dan Pemain-Pemain mesti mematuhi OTP yang dikeluarkan oleh FAM bagi melicinkan pengurusan perlawanan Liga PMP dan Liga-R 2008 dari masa ke semasa.

5.7 KENYATAAN AKHBAR

- 5.7.1 Semua Pasukan termasuk Pegawai dan Pemain tidak dibenarkan membuat sebarang kenyataan akhbar dengan apa jua tujuan sekalipun mengenai pengurusan dan pengelolaan Liga PMP dan Liga-R 2008 kecuali dengan kebenaran FAM/KPM. Jawatankuasa Tatatertib FAM/KPM akan mengambil tindakan tegas jika didapati mana-mana Pasukan, Pegawai atau Pemain yang mengingkari Peraturan ini.

Jika terdapat sebarang masalah, kekeliruan atau pun perselisihan faham, pihak yang terlibat mestilah dengan secara rasmi memaklumkan kepada FAM/KPM untuk tindakan lanjut atau menggunakan lain-lain prosedur yang ditetapkan oleh FAM/KPM.

- 5.7.2 Kenyataan akhbar termasuklah :-

- i. Memanggil sidang akhbar khas.
- ii. Memberi kenyataan secara lisan atau bertulis kepada media cetak atau elektronik.
- iii. Sedar akan kehadiran pihak media semasa membuat kenyataan.
- iv. Terdapat dengan jelas nama Pegawai atau Pemain atau jawatan yang secara khusus di dalam media cetak atau elektronik.

5.8 KAWALAN DOPING

- 5.8.1 Setiap Pemain yang menyertai Liga PMP dan Liga-R 2008 mesti mematuhi prosedur doping yang telah ditetapkan dan disiarkan oleh FIFA / IOC / FAM
- 5.8.2 FAM berhak mengadakan ujian doping pada hari perlawanan atau sebelum perlawanan atau pada masa Pasukan mengadakan latihan sehari sebelum perlawanan.
- 5.8.3 Semua Pemain termasuk Pemain simpanan, boleh diarahkan mengambil ujian doping. Mana-mana Pemain yang ingkar apabila diarahkan berbuat demikian atau didapati ujian positif akan dirujuk ke Jawatankuasa Tatatertib FAM/KPM untuk tindakan lanjut.

PERKARA 6 : KEWANGAN

6.1 PIALA DAN PINGAT

- 6.1.1 Pasukan yang menjadi Johan dan Naib Johan akan menerima 32 pingat emas dan 32 pingat perak serta sebuah Replika Piala Iringan kecuali diputuskan berlainan oleh JKPT.

6.2 PERBELANJAAN PASUKAN.

- 6.2.1 Pasukan yang menyertai Liga PMP dan Liga-R 2008 mestilah menanggung semua pebelanjaan kecuali diputuskan berlainan oleh JKPT/KPM.

6.3 IKLAN DAN GALAKAN DAGANGAN

- 6.3.1 Segala bahan iklan dan bahan galakan dagangan di padang hendaklah terlebih dahulu mendapat persetujuan JKPT/KPM.
- 6.3.2 Semua arahan berkenaan dengan perletakan papan-papan pengiklanan oleh FAM/KPM hendaklah dipatuhi oleh PTR atau pengelola Perlawanan Akhir.
- 6.3.3 Logo Liga PMP dan Liga-R 2008 boleh dipamerkan di bahagian lengan kanan jersi.

PERKARA 7 : PEGAWAI-PEGAWAI PERLAWANAN

7.1 KOMMISSIONER PERLAWANAN ATAU KOORDINATOR PERLAWANAN

- 7.1.1 FAM akan melantik Commissioner Perlawanan atau Koordinator Perlawanan iaitu sebagai wakil FAM dan bertanggungjawab dalam semua aspek pengelolaan perlawanan dan juga menilai prestasi Pengadil, Penolong-penolong Pengadil dan Pegawai Ke-4.
- 7.1.2 Sekiranya mana-mana Kumpulan Pengadil tidak hadir pada waktu yang diiklankan, bagi sesuatu perlawanan atau gagal meneruskan tugas atau pada pendapat wakil FAM bahawa Pegawai Perlawanan tersebut mempunyai prestasi yang buruk, maka wakil FAM hendaklah membuat keputusan menggantikan Pegawai tersebut dan keputusannya adalah muktamad.
- 7.1.3 FAM juga boleh melantik Pegawai-Pegawai lain yang terdiri daripada Ahli-ahli Jawatankuasa Pertandingan Tempatan, Jawatankuasa Tatatertib, Jawatankuasa Keselamatan, General Koordinator atau mana-mana Pegawai FAM untuk ditugaskan pada mana-mana perlawanan yang difikirkan perlu.

7.2 PENILAI PENGADIL, PENGADIL, PENOLONG-PENOLONG PENGADIL DAN PEGAWAI KE-4

- 7.2.1 Jawatankuasa Pengadil FAM hendaklah melantik Penilai Pengadil yang terdiri daripada bekas Pengadil Kebangsaan dan Kumpulan Pengadil iaitu; Pengadil, Penolong-penolong Pengadil serta Pegawai Ke-4 dari kalangan Pengadil Kebangsaan yang berdaftar dengan FAM.
- 7.2.2 Pengadil kelas 1 Negeri boleh digunakan atas budi bicara Jawatankuasa Pengadil.

- 7.2.3 Perbelanjaan Pegawai Perlawanan hendaklah dibayar oleh PTR mengikut kadar yang ditetapkan oleh FAM. PTR boleh menuntut bayaran daripada FAM mengikut prosedur yang ditetapkan.
- 7.2.4 Jika sekiranya Pengadil tidak dapat menjalankan tugas, maka secara automatik Penolong Pengadil I akan mengambil alih tugas sebagai Pengadil, Penolong Pengadil II akan mengambil alih tugas sebagai Penolong Pengadil I manakala Pegawai Ke-4 akan mengambil tugas sebagai Penolong Pengadil II.
- 7.2.5 Jika didalam Perlawanan Akhir, Pengadil tidak dapat menjalankan tugas, maka secara automatik Pegawai Ke-4 akan mengambil alih sebagai Pengadil manakala Penolong-Penolong Pengadil I & II kekal menjalankan tugas masing-masing.
- 7.3 GENERAL KOORDINATOR & VENUE KOORDINATOR**
- 7.3.1 General Koordinator akan dilantik oleh FAM khusus untuk mengendalikan perlawanan-perlawanan akhir atau perlawanan-perlawanan tertentu seperti yang ditetapkan oleh FAM.
- 7.3.2 VK dilantik oleh Pasukan dan disahkan oleh FAM untuk tugas pengelolaan mengikut garis panduan yang ditetapkan oleh FAM bagi pihak PTR.
- 7.3.3 VK hendaklah mengemukakan laporan VK yang lengkap di dalam borang yang disediakan dan hendaklah difakskan atau E-mail ke FAM dalam masa 30 minit selepas tamat perlawanan.
- 7.3.4 VK hendaklah juga bertanggungjawab ke atas penyusunan dan penyimpanan A-Board di venue. Susunatur A-Board adalah seperti yang ditetapkan oleh KPM/FAM.

PERKARA 8 : HAL-HAL YANG TIDAK DIPERUNTUKAN

- 8.1 Semua hal yang tidak diperuntukan dibawah Peraturan ini atau sebarang pengecualian mengenai pematuhan Peraturan ini atau semua perkara-perkara di luar jangka atau mengenai perbezaan tafsiran, akan diputuskan oleh JKPT yang mana keputusannya adalah muktamad.

Termaktub di Persatuan Bolasepak Malaysia
Dan
Unit Liga Bola Sepak Kementerian Pelajaran Malaysia
Pada 22 Februari 2008